

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN BARU BIAN [SELANGAU]

TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN BARU BIAN minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan berkenaan sekolah daif di Sarawak, apakah status kerja-kerja membaik pulih sekolah tersebut yang dibiayai dengan peruntukan sebanyak RM1 bilion daripada duit pembayaran pinjaman oleh Kerajaan Negeri Sarawak kepada Kerajaan Persekutuan. Berapa buah sekolah daif lagi di Sarawak yang tidak dimasukkan di dalam kerja-kerja pembaikan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan projek naik taraf dan pembangunan semula sekolah yang mempunyai bangunan daif di negeri Sarawak yang dibiayai melalui peruntukan RM1 bilion merupakan kontra bayaran balik pinjaman mengikut mekanisme khusus yang telah dipersetujui secara bersama oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kerajaan Negeri Sarawak. Sehingga Julai 2020, sejumlah RM700 juta pinjaman telah dibayar balik oleh Kerajaan Negeri Sarawak.

Pelaksanaan projek baik pulih bangunan daif ini merangkumi pelbagai skop seperti pembinaan bilik darjah, blok pentadbiran, asrama, kuarters, dewan makan, pusat sumber, bilik sains, tandas dan kemudahan yang lain. Secara keseluruhannya, projek baik pulih bangunan daif di sekolah dengan dana RM1 bilion ini dilaksanakan melalui 3 fasa.

1. Fasa 1 melibatkan 41 buah sekolah dengan kos projek berjumlah RM350 juta;
2. Fasa 2 melibatkan 52 buah sekolah dengan kos projek berjumlah RM350 juta; dan
3. Fasa 3 telah dimuktamadkan senarai dan skop projek oleh KPM bersama dengan Kerajaan Negeri Sarawak melibatkan 54 buah sekolah dengan kos projek sebanyak RM300 juta.

Sehingga 26 Ogos 2021, kerajaan telah meluluskan 147 projek bagi ketiga-tiga fasa dengan kos berjumlah RM1 bilion. Bagi status pelaksanaan projek Fasa 1, sebanyak 2 projek telah siap, 34 projek berada di fasa pembinaan dan 5 projek lagi berada di fasa prabina, iaitu dalam proses pengeluaran Surat Setuju Terima (SST).

Bagi status pelaksanaan projek Fasa 2 pula yang melibatkan 52 projek, 6 projek berada dalam fasa pembinaan dan 46 projek berada dalam fasa pra bina.

Manakala, bagi pelaksanaan projek di Fasa 3 pula sebanyak 54 projek telah diluluskan pada 3 Jun 2021 dan kesemua projek ini berada dalam fasa pra bina.

Sehingga 30 September 2021, jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi naik taraf dan pembangunan semula bangunan daif di sekolah di Negeri Sarawak menggunakan peruntukan di bawah RM1 bilion adalah berjumlah RM74.04 juta.